

## **Dasar Percukaian Malaysia Antara Paling Kurang Rumit Di Rantau Ini - Laporan Deloitte Bernama**

**7 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Lebih dua pertiga eksekutif percukaian di rantau Asia Pasifik menilai sistem cukai Malaysia sebagai konsisten dan mudah difahami, demikian menurut Laporan Tinjauan Kerumitan Cukai Asia Pasifik Deloitte 2014.

Laporan tahun ini menonjolkan trend percukaian utama yang diguna pakai oleh perniagaan yang beroperasi di rantau ini.

"Laporan ini menunjukkan perniagaan kini mengalihkan tumpuan kepada dasar percukaian yang lebih konsisten.

"Hasil kajian kali ini menunjukkan perubahan besar berbanding tinjauan 2010 apabila perniagaan memberi tumpuan utama kepada kerumitan dan dasar cukai yang mudah difahami semasa membuat keputusan sama ada mahu memasuki atau keluar dari pasaran tertentu di Asia Pasifik," kata Deloitte dalam satu kenyataan Isnin.

Ketua Percukaian Negara Deloitte Malaysia Yee Wing Peng berkata tinjauan itu menunjukkan undang-undang cukai Malaysia dianggap mudah difahami oleh eksekutif percukaian di rantau ini.

"Tambahan pula, Malaysia dijangka menjadi antara negara yang melaksanakan sistem percukaian yang kurang kompleks di Asia Pasifik dalam tempoh tiga tahun akan datang, di belakang Brunei dan Singapura, di Asia Tenggara.

Laporan itu meninjau lebih 800 profesional kewangan dan percukaian di 20 negara di Asia Pasifik.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1028547>